

13 AUG 1998

Abdullah-Amerika

MALAYSIA AMAT TIDAK SENANG HATI KENYATAAN AMERIKA

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Malaysia amat tidak senang hati terhadap kenyataan Amerika Syarikat bahawa kedutaannya di Kuala Lumpur mungkin menjadi sasaran bom berikutan serangan terhadap kedutaannya di Kenya dan Tanzania.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kenyataan itu boleh disalahertikan oleh pihak lain termasuk pelabur asing yang ingin melabur di Malaysia, ataupun pelancong dan peminat sukan yang ingin ke sini bagi Sukan Komanwel ke-16 bulan depan.

"Saya telah menyatakan, beringat dan berhati-hatilah supaya kenyataan yang dikeluarkan tidak disalahertikan seolah-olah kita pula yang bermasalah atau tidak dapat mengawal negara sendiri," katanya pada persidangan berita selepas menyampaikan Hadiah Sastera 1997 Utusan Melayu-Public Bank di sini, hari ini.

Beliau berkata peringatan itu diberikannya sebaik sahaja mendapat laporan perbincangan antara pegawai kedutaan Amerika Syarikat di sini dengan pegawai-pegawai Wisma Putra berhubung langkah keselamatan yang perlu diambil selepas kejadian di dua negara Afrika itu.

Semalam Jabatan Negara Amerika mengeluarkan amaran bahawa kepentingannya di Mesir, Yemen dan Malaysia kini menjadi sasaran ekoran serangan bom di kedutaannya di Kenya dan Tanzania.

Ketika diminta mengulas kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika itu, Abdullah berkata jika Amerika Syarikat yang menghadapi masalah, negara itu kenalah mengatasinya sendiri dan jangan membuat kenyataan yang boleh menimbulkan reaksi-reaksi yang tidak diingini oleh Malaysia.

"Di mana yang boleh kita bantu, akan kita bantu... tetapi kita tidak mahu kenyataan-kenyataan yang boleh menggemparkan, yang boleh disalahertikan oleh penduduk Malaysia atau oleh mereka yang ingin datang ke Malaysia untuk tujuan apa sekalipun," katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, amaran Amerika Syarikat yang kepentingannya di Malaysia kini terancam adalah tidak berasas sama sekali.

Mengenai penahanan tiga rakyat Malaysia di Myanmar, Abdullah berkata kerajaan amat sukar untuk bersimpati dengan rakyat Malaysia yang memasuki negara lain dan bertindak menyalahi undang-undang negara itu.

"Terus terang saya katakan bahawa sukar untuk bersimpati dengan rakyat kita yang pergi ke negara lain dan buat kacau atau melanggar undang-undang terutama kalau dia membuatnya secara sengaja dan tahu dia akan menghadapi masalah," katanya.

"Kalau mereka telah melanggar undang-undang negara berkenaan (Myanmar) dan negara itu bertindak... apa lagi yang boleh kita buat," katanya dengan menambah bahawa kedutaan Malaysia di Yangon bagaimanapun sentiasa terbuka kepada mereka untuk meminta bantuan.

Ketika diminta menjelaskan kenyataannya semalam mengenai "hubungan istimewa" Malaysia-Singapura dalam isu Pulau Pisang, beliau berkata rakyat Malaysia yang bekerja dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Singapura juga ada menikmati keistimewaan serupa itu.

Semalam Abdullah berkata, kemudahan untuk keluar masuk tanpa melalui prosedur biasa imigresen yang diberikan kepada pekerja rumah api Singapura di Pulau Pisang dekat Pontian, milik Malaysia, adalah kerana adanya hubungan istimewa itu.

Beliau berkata peraturan yang dipermudahkan itu akan dapat berterusan jika kedua-dua negara terus memberi perhatian kepada hubungan yang istimewa itu, yang berdasarkan fakta sejarah, hubungan sosial dan ekonomi yang erat.

Beliau mengulangi pendirian Malaysia bahawa belum ada sebarang cadangan untuk mengambil tindakan berkaitan isu Pulau Pisang itu setakat ini.

-- BERNAMA

MNY PR